

Rangka kerja tindakan sains dalam proses penyediaan

BH 6 JUL 2001

KUALA LUMPUR, Khamis – Kerajaan dalam proses menyediakan rangka kerja tindakan sains negara bagi memacu negara menerokai bidang sains angkasa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Kita belum bersedia lagi (untuk industri sains angkasa), tetapi kita dalam proses untuk (menyedia rangka kerja) sains angkasa,” katanya selepas memberi ucapan dan berdialog pada majlis Konvensyen Sains 2001 di Seri Kembangan, dekat sini, hari ini.

Konvensyen dua hari itu antara lain mengeluarkan resolusi bahawa melalui penyelidikan sains angkasa, akan lahir bidang ilmu seperti sains atmosfera, sains penderiaan, kriogenik, gelombang graviti, komunikasi, pengesanan dan pencegahan bencana alam serta pertahanan.

Terdahulu, Perdana Menteri

berkata, sains angkasa memainkan peranan besar di negara maju sehingga peruntukan banyak diberi untuk tujuan pembangunan dan penyelidikan (R&D).

Ketika sesi dialog, Dr Mahathir berkata, kerajaan sanggup memberi peruntukan lebih besar bagi kegiatan R&D selain mewujudkan lebih banyak makmal penyelidikan.

“Saintis tempatan perlu mengemukakan cadangan kepada kerajaan apa keperluan diingini dan kerajaan sedia mempertimbangkannya. Kerajaan akan membiayai kegiatan R&D supaya kita tidak ketinggalan berbanding saintis di Eropah dan negara Barat lain,” katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, saintis tempatan tidak harus membenarkan soal insentif tidak mencukupi mengganggu tumpuan dalam melakukan penyelidikan.

Katanya, mereka tidak boleh membandingkan habuan yang diterima dengan apa yang diperolehi ahli perniagaan.

“Kita berasa juga iri hati tapi jangan benarkan perasaan itu menekan kita hingga kita tak boleh menumpukan perhatian pada perkara lain,” katanya sambil menambah, kerajaan mungkin mempertimbangkan insentif kewangan jika saintis membuat penemuan yang menyumbang kepada ilmu pengetahuan.

Perdana Menteri melahirkan rasa tidak puas hati terhadap sistem pendidikan sekarang kurang memberi penekanan aspek pembentukan sikap ingin tahu pelajar.

Katanya, keadaan itu menyumbang kepada bilangan saintis rendah, terutama saintis Melayu, iaitu tujuh orang bagi setiap 100,000 penduduk negara ini.